



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Putrajaya
Aras 7, Blok E2, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 Putrajaya

Tel. : 03-88890000
Faks. : 03-88903087
Laman Web : www.moe.gov.my

Ruj.Kami : JPWPP. 100-6/1/17 Jld. 2 (73)
Tarikh : 15 September 2021

Pengusaha/ Pemilik/ Pengendali,
Institusi Pendidikan Swasta,
Wilayah Persekutuan Putrajaya.

Tuan,

**EDARAN GARIS PANDUAN KHAS PERMOHONAN POTONGAN CUKAI
PENDAPATAN BAGI PROJEK KOMUNITI AMAL UNTUK MENANGANI WABAK
COVID-19**

Dengan segala hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Seperti mana pihak tuan sedia maklum, pada 28 Jun 2021 YAB Perdana Menteri telah mengumumkan pakej Perlindungan Rakyat dan Pemulihan Ekonomi (PEMULIH) berkaitan pemberian potongan cukai kepada pihak swasta yang membantu dalam menyediakan Pusat pemberian Vaksin (PPV) di bawah Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK).

3. Sehubungan dengan itu, bersama-sama ini disertakan surat edaran dan garis panduan berkaitan potongan cukai untuk perhatian pihak tuan seperti yang berikut:

- 3.1 Surat edaran daripada Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi bertarikh 11 Ogos 2021; dan
- 3.2 Garis Panduan Khas Permohonan Potongan Cukai Pendapatan bagi projek Komuniti/ Amal untuk Menangani Wabak COVID-19.

4. Jika terdapat sebarang pertanyaan, sila hubungi pegawai kami Encik Faez Nazhan Phang Abdullah, Penolong Pengarah, Sektor Pengurusan Sekolah di talian 03-8889 0034 atau 013-3478826.

Segala kerjasama yang diberikan oleh pihak tuan amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“HEBATKAN PUTRAJAYA”

Saya yang menandatangani amanah,


(HAJAH FARIZAH BINTI HAJI AHMAD)

Pengarah
Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Putrajaya
Kementerian Pendidikan Malaysia



KETUA SETIAUSAHA
SECRETARY GENERAL
KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI
MINISTRY OF SCIENCE, TECHNOLOGY AND INNOVATION
Aras 6, Blok C5, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62662 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel : 03 - 8888 8021
Faks : 03 - 8888 9000

MOSTI.400-2/1/13 JLD.3(46)(S)
// Ogos 2021

SENARAI SEPERTI DILAMPIRAN

YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Datuk/Datuk Seri Panglima Sr. / Dato' Sri/ Dato'/
Dato' Paduka/Dr./Tuan/Puan,

EDARAN GARIS PANDUAN KHAS PERMOHONAN POTONGAN CUKAI PENDAPATAN BAGI PROJEK KOMUNITI/AMAL UNTUK MENANGANI WABAK COVID-19

Saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Seperti mana pihak Tan Sri/Datuk Seri/Datuk/Datuk Seri Panglima Sr. / Dato' Sri/ Dato'/ Dato' Paduka/Dr./tuan/puan sedia maklum, pada 28 Jun 2021 YAB Perdana Menteri telah mengumumkan melalui Pakej Perlindungan Rakyat dan Pemulihan Ekonomi (PEMULIH) pemberian potongan cukai kepada pihak Swasta yang membantu dalam penyediaan Pusat Pemberian Vaksin (PPV) di bawah Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK).
3. Bersama-sama ini dilampirkan Garis Panduan Khas Permohonan Potongan Cukai Pendapatan Bagi Projek Komuniti/Amal Untuk Menangani Wabak COVID-19 yang telah dikemas kini oleh Kementerian Kewangan (MOF) pada 2 Ogos 2021 untuk perhatian pihak Tan Sri/Datuk Seri/Datuk/Datuk Seri Panglima Sr. / Dato' Sri/ Dato'/ Dato' Paduka/ Dr./tuan/puan.
4. Berdasarkan perenggan 5 Pengesahan Sumbangan dalam garis panduan ini, pihak CITF Negeri hendaklah melantik secara bertulis pegawai yang diberi kuasa bagi memperakukan penerimaan sumbangan oleh pihak Swasta di PPV seliaan CITF Negeri. Satu (1) senarai yang

mengandungi maklumat pegawai yang telah dilantik perlu disimpan sebagai rekod dan rujukan.

5. Kerjasama daripada pihak Tan Sri/Datuk Seri/Datuk/Datuk Seri Panglima Sr. / Dato' Sri/ Dato'/ Dato' Paduka/Dr./tuan/puan dipohon untuk memanjangkan garis panduan ini ke Jabatan/Agensi di bawah seliaan Tan Sri/Datuk Seri/Datuk/Datuk Seri Panglima Sr. / Dato' Sri/ Dato'/ Dato' Paduka/Dr./tuan/puan masing-masing.

Sekian.

"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(DATUK IR. TS. DR. SITI HAMISAH BINTI TAPSIR)

s.k :

YBhg. Dato' TKSU(P)

YBrs. Dr. TKSU(T)

SUBK(P)

SUB(W)

Ketua Sekretariat CITF Persekutuan

**GARIS PANDUAN KHAS
PERMOHONAN POTONGAN CUKAI PENDAPATAN
BAGI PROJEK KOMUNITI/AMAL UNTUK MENANGANI WABAK COVID-19**

Garis panduan khas ini bertujuan untuk menerangkan syarat dan prosedur permohonan kelulusan potongan cukai di bawah Subseksyen 34(6)(h) Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP 1967) ke atas sumbangan yang dibuat bagi projek komuniti/amal untuk menangani wabak COVID-19.

Kementerian Kewangan mengiktiraf bahawa inisiatif untuk menangani wabak COVID-19 adalah projek komuniti/amal yang diluluskan di bawah Subseksyen 34(6)(h) ACP 1967. Oleh itu, penyumbang yang membuat sumbangan bagi tujuan ini adalah layak memohon potongan cukai daripada pendapatan kasar perniagaan suatu amaun bersamaan dengan amaun sumbangan yang dibuat.

SYARAT PERMOHONAN:

1. Pemohon Yang Layak

Syarikat dan selain syarikat iaitu individu, perkongsian, badan amanah dan koperasi yang mempunyai pendapatan perniagaan.

2. Kriteria Projek Komuniti/Amal Yang Layak

Projek bagi membantu Kerajaan atau badan/pertubuhan bukan Kerajaan yang berdaftar di bawah mana-mana undang-undang bertulis bagi menangani penularan wabak COVID-19 termasuk pemberian vaksin COVID-19.

3. Sumbangan Yang Layak

- (i) Wang Tunai;
- (ii) Peralatan seperti ventilator, katil pesakit, penghawa dingin, alat pembersih udara (*air purifier/filtration*);
- (iii) Bahan Guna Habis seperti *mask, hand sanitizer, glove, test kit* dan *Personal Protection Equipment (PPE)*;
- (iv) Bahan makanan mentah/sedia dimakan (contoh: beras, minyak, kicap, gula, makanan dalam tin atau makanan yang siap untuk dimakan);
- (v) Perkhidmatan seperti kos pembasmian kuman dan sanitasi (jalan raya, bangunan, pasar, tempat ibadat dan lain-lain), kos penyediaan tandas bergerak, kos penghantaran bekalan;
- (vi) Pembiayaan seperti menyewa atau menyediakan infrastruktur bersifat sementara (contohnya: *khemah/marquee tent*); dan
- (vii) Penyediaan tempat pemberian vaksin COVID-19 seperti dewan/ruang kosong dan perkhidmatan/kemudahan/peralatan/bekalan yang berkaitan Pusat Pemberian Vaksin (PPV)

4. Pihak Yang Layak Disalurkan Sumbangan

Sumbangan hendaklah disalurkan kepada penerima sumbangan seperti berikut :

- (i) Jabatan/Agensi Kerajaan
- (ii) Agensi bukan Kerajaan atau Badan/Pertubuhan yang berdaftar dan tidak bermotifkan keuntungan dan politik
- (iii) Hospital sama ada Kerajaan atau swasta
- (iv) Universiti dan institusi pendidikan
- (v) Pusat Pemberian Vaksin (PPV) di seluruh negara yang diuruskan oleh Pasukan Petugas Khas Imunisasi COVID-19 (CITF) dan pihak swasta dengan kebenaran CITF

5. Pengesahan Sumbangan

Penyumbang hendaklah mendapatkan akuan terima sumbangan berserta cop rasmi penerima bagi mengesahkan maklumat berhubung sumbangan seperti di **Lampiran I**.

Manakala bagi sumbangan kepada PPV di seluruh negara yang diuruskan oleh CITF dan pihak swasta dengan kebenaran CITF, permohonan lengkap seperti di **Lampiran II** hendaklah dikemukakan setelah mendapat pengesahan penerimaan sumbangan daripada mana-mana pegawai yang diberi kuasa secara bertulis oleh CITF Persekutuan/CITF Negeri.

6. Sumbangan Tunai Kepada Jabatan/Agensi Kerajaan

Sumbangan tunai yang diberi kepada Jabatan Kerajaan, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Pengurusan Bencana Negara, Jabatan Perdana Menteri (NADMA) layak menuntut insentif potongan cukai di bawah seksyen 44(6) Akta Cukai Pendapatan 1967.

Penyumbang layak **menuntut secara terus** melalui Borang Nyata Cukai Pendapatan **tanpa perlu mendapatkan kelulusan Kementerian Kewangan** dan tertakluk kepada Garis Panduan yang telah disediakan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM).

7. Dokumen Yang Perlu Dikemukakan

Pemohon hendaklah mengemukakan dokumen lengkap seperti senarai semak di **Lampiran A**.

8. Prosedur Memohon Kelulusan Menteri Kewangan

Penyumbang hendaklah mengemukakan **permohonan yang lengkap** kepada:

Setiausaha Bahagian Cukai
Tingkat 6, Blok Tengah, Kompleks Kementerian Kewangan,
Presint 2, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62592, PUTRAJAYA
(u.p. : Puan Mahfuzah Binti Baharin
Timbalan Setiausaha Bahagian Cukai
Sektor Galakan Cukai dan Sektoral)

Pertanyaan lanjut boleh dikemukakan kepada pegawai berikut:
Talian : 03-8882 4197/4059
Emel : juriani.jalaluddin@mof.gov.my; atau
dayana.ali@mof.gov.my

Permohonan akan diproses setelah pihak Kementerian menerima **dokumen lengkap** daripada pemohon.

9. Prosedur Menikmati Potongan Cukai Daripada Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM)

Tuntutan ke atas potongan bagi sumbangan kepada projek komuniti/amal bagi menangani wabak COVID-19 yang telah diluluskan hendaklah dibuat dalam Borang Nyata Cukai Pendapatan bagi tahun taksiran yang berkenaan. Dokumen berikut hendaklah disimpan dengan baik untuk tujuan audit oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia:

- (i) Surat kelulusan asal oleh Kementerian Kewangan; dan
- (ii) Akuan terima sumbangan asal (Lampiran I/Lampiran II) daripada Kerajaan atau badan/pertubuhan bukan Kerajaan.

Tuntutan potongan bagi amaun yang sama yang dibuat di bawah Garis Panduan Khas ini adalah tidak dibenarkan potongan di bawah subseksyen 44(6) Akta Cukai Pendapatan (ACP) 1967.

Perbelanjaan penyediaan PPV tidak boleh dituntut di bawah Subseksyen 33(1) ACP 1967 dan Kementerian Kewangan berhak menentukan perbelanjaan yang layak dituntut di bawah Subseksyen 34(6)(h) ACP 1967.

10. Tarikh Kuatkuasa

Garis panduan ini hanya berkuat kuasa bagi sumbangan kepada projek komuniti/amal bagi menangani penularan wabak COVID-19 yang dibuat mulai Februari 2020 sehingga wabak ini diisytiharkan tamat oleh Kerajaan. Tuntutan potongan cukai pula boleh dituntut mulai tahun taksiran 2020 dan terpakai untuk tahun taksiran sumbangan dilakukan.

Manakala bagi sumbangan ke PPV di seluruh negara yang diuruskan oleh CITF dan pihak swasta dengan kebenaran CITF, garis panduan yang telah dikemaskini ini berkuat kuasa bagi sumbangan yang dibuat **ke PPV mulai 19 April 2021 sehingga tarikh wabak ini diisytiharkan tamat oleh Kerajaan**. Tuntutan potongan cukai pula boleh dituntut mulai tahun taksiran 2021 dan terpakai untuk tahun taksiran sumbangan dilakukan. Permohonan hendaklah dikemukakan kepada Kementerian Kewangan dalam tempoh **30 hari dari tarikh sumbangan dilakukan**.

Tarikh Kemaskini :

2 Ogos 2021
Bahagian Cukai

**SENARAI SEMAK
PERMOHONAN POTONGAN CUKAI PENDAPATAN
BAGI PROJEK KOMUNITI/ AMAL UNTUK MENANGANI WABAK COVID-19**

Dokumen yang perlu dikemukakan :

i. **Sumbangan Tunai**

	Akuan terima berserta cop rasmi penerima seperti di Lampiran I/Lampiran II ; dan
	Resit Terimaan Tunai; atau
	Slip <i>Cheque Deposit Machine</i> ; atau
	Slip deposit melalui kaunter bank; atau
	Slip pembayaran atas talian; atau
	Slip pindahan melalui Interbank Giro (IBG Transfer); atau
	Resit <i>Real Time Electronic Transfer Fund and Securities Systems (RENTAS)</i> ; atau
	Resit <i>telegraphic (TT)</i> bersama <i>advice of credit</i> ; atau
	Slip pindahan wang melalui ATM

ii. **Sumbangan selain tunai daripada pengeluar/pengilang produk sendiri**

	Akuan terima berserta cop rasmi penerima seperti di Lampiran I/Lampiran II ; dan
	mengisytiharkan nilai kos barangan serta mengemukakan bukti dokumen sokongan (contoh : pengiraan kos pengeluaran)

iii. **Sumbangan selain tunai daripada bukan pengeluar/pengilang produk sendiri**

	Akuan terima berserta cop rasmi penerima seperti di Lampiran I/Lampiran II ; dan
	bukti pembelian (salinan inbois belian/ <i>delivery order</i>)
	bukti pembayaran (slip pindahan wang melalui bank, cek, resit bayaran)

Kepala Surat
Penerima Sumbangan

No. Rujukan :

Tarikh :

Kepada:

Setiausaha
Bahagian Cukai
Tingkat 6, Blok Tengah
Kompleks Kementerian Kewangan
Presint 2, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62592 PUTRAJAYA

**Akuan Terima Sumbangan Tunai / Peralatan / Bahan Guna Habis / Perkhidmatan
/ Pembiayaan Untuk Projek Komuniti/ Amal Bagi Menangani Wabak COVID-19**

Saya.....No. Kad Pengenalan.....
berjawatan.....mengaku telah menerima sumbangan bagi
projek amal/komuniti untuk membantu menangani wabak COVID-19 seperti berikut:

Tarikh Sumbangan :

Butir - butir Penyumbang:

Nama Syarikat/Perniagaan:

Alamat:

No. Telefon dan No. Faks:

Pegawai Penyelaras :

No. H/P :

E-mel:

No. Cukai Pendapatan :

Jenis Sumbangan:	Amaun (RM)
Wang Tunai	
Peralatan	
Bahan Guna Habis	
Perkhidmatan	
Pembiayaan	

(Sila isi di ruang berkaitan)

2. Senarai peralatan/bahan guna habis (sekiranya berkaitan) adalah seperti berikut:

Bil.	Keterangan Peralatan / Bahan Guna Habis	Kuantiti

(Sila lampirkan senarai sekiranya ruang tidak mencukupi)

3. Saya mengesahkan bahawa projek tersebut telah pun siap sepenuhnya (jika perkhidmatan/pembiayaan projek).

4. Saya mengesahkan bahawa semua sumbangan di atas telah diterima dan maklumat yang dikemukakan disahkan benar.

Sekian,

(tanda tangan)

Nama:

Jawatan :

Cop Rasmi Penerima Sumbangan:

Kepala Surat
Penerima Sumbangan

No. Rujukan :

Tarikh :

Kepada:

Setiausaha
Bahagian Cukai
Tingkat 6, Blok Tengah,
Kompleks Kementerian Kewangan,
Presint 2, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62592 PUTRAJAYA

Akuan Terima Sumbangan Tunai / Peralatan / Bahan Guna Habis / Perkhidmatan / Pembiayaan Untuk Projek Komuniti/ Amal Bagi Menangani Wabak COVID-19 Bagi Pusat Pemberian Vaksin (PPV)

Saya.....No. Kad Pengenalan.....
berjawatan.....mengaku telah menerima sumbangan bagi
projek amal/komuniti untuk membantu menangani wabak COVID-19 seperti berikut:

Tarikh Sumbangan :

Butir - butir Penyumbang:

Nama Syarikat/Perniagaan :

Alamat :

No. Telefon dan No. Faks :

Pegawai Penyelaras :

No. H/P :

E-mel :

No. Cukai Pendapatan:.....

Senarai sumbangan/peralatan/bahan guna habis yang diterima (sekiranya berkaitan) adalah seperti berikut:

Bil	Kategori (Dewan / Bahan Guna Habis / Peralatan / Perkhidmatan / Pembiayaan / Penyelenggaraan / Utiliti / Lain-lain)	Keterangan penggunaan	Kuantiti	Jumlah (RM)
1.				
2.				

- Boleh menggunakan lampiran tambahan sekiranya ruang tidak mencukupi
- Jumlah keseluruhan sumbangan hendaklah sama dengan amaun yang disahkan terima oleh mana-mana pegawai yang diberi kuasa secara bertulis oleh CITF Persekutuan/CITF Negeri

Saya mengesahkan bahawa semua sumbangan di atas telah diterima dan maklumat yang dikemukakan disahkan benar.

Sekian,

(tanda tangan)

Nama:

Jawatan:

Cop Rasmi Penerima Sumbangan:

Kemudahan ini hanya terpakai sehingga wabak Covid-19 diisytiharkan tamat oleh Kerajaan